

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP**  
**PENGERUSI ASEAN COOPERATIVE**  
**ALLIANCE (ACO)**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN**  
**KARNIVAL USAHAWAN KAF WILAYAH**  
**TROLAK**

# **1 SEPTEMBER 2023 / 3.00 PETANG FELDA TROLAK UTARA**

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum W.B.T., Salam  
Sejahtera,  
Salam Perpaduan dan Salam koperasi,

**Salutasi oleh penganjur**

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya pada hari ini kita semua dapat berkumpul dalam menjayakan serta menyebarluas aspek keusahawanan kepada warga FELDA yakni melalui penganjuran Karnival

Usahawan KAF Wilayah Trolak pada hari ini.

2. Setinggi – tinggi pengharagaan diucapkan kepada Tuan Haji Fakhrurrazi Mohd Habib, Pengurus Persatuan Kami Anak FELDA (KAF) Wilayah Trolak serta warga KAF atas kesudian untuk menjemput saya bagi bersama – sama mengimarahkan sambutan ini.

3. Tahniah dan syabas diucapkan kepada KAF Wilayah Trolak kerana inisiatif menganjurkan karnival ini yang akan menyemarakkan lagi semangat keusahawanan dalam kalangan anggotanya selari dengan hasrat pihak kerajaan menjadikan negara ini sebagai Negara keusahawanan

menjelang 2030.

## **Hadirlin Hadirat dihormati sekalian,**

4. Sudah tentu kehadiran saya sebagai Presiden ANGKASA, akan menyentuh beberapa perkara berkenaan gerakan koperasi. ANGKASA merupakan organisasi yang menjadi payung kepada koperasi di seluruh Malaysia

dan peranannya diiktiraf oleh kerajaan dalam membangunkan gerakan ini baik di peringkat nasional maupun antarabangsa.

5. Di negara ini, masih ramai yang cuma mengetahui koperasi sebagai tempat bagi mendapatkan perkhidmatan kredit namun sebenarnya ianya lebih luas daripada itu dan mencakupi setiap

aspek kehidupan kita pada hari ini.

6. Secara amnya koperasi ditubuhkan oleh sekumpulan individu, bagi menjalankan aktiviti bagi memenuhi keperluan kumpulan tersebut serta komunitinya baik dari segi sosial maupun ekonomi. Ini termasuk menjalankan aktiviti keusahawanan

bagi meningkatkan taraf kehidupan anggota melalui pengagihan dividen, penawaran produk harga kompetitif, penawaran pekerjaan, pemberian

sumbangan kepada anggota kurang berkemampuan dan sebagainya.

7. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia,

sehingga Disember 2022 terdapat 325 buah koperasi peneroka FELDA dengan keanggotaan 389,108 individu, syer/yuran sebanyak RM2.7 Juta, Aset RM4.98 Juta dan perolehan RM1.1 Juta.

**Hadirin Hadirat dihormati sekalian,**

8. Di wilayah Trolak ini sahaja ada 8 buah koperasi yang menjadi ahli ANGKASA

termasuklah sebuah koperasi sekolah iaitu Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Trolak Berhad. Syabas dan Tahniah diucapkan kerana saya yakin semangat berkoperasi di kalangan

warga Trolak adalah tinggi dan mencakupi setiap lingkungan umur bermula dari peringkat sekolah ke peringkat dewasa.

9. Sememangnya banyak manfaat yang kita boleh dapat melalui berkoperasi. Koperasi boleh menjadi hab pembekalan barang keperluan perladangan seperti baja, racun, anak benih pokok, penyelenggaraan mesin dan jentera serta urusan pekerja ladang.

10. Tambahan pula, koperasi juga akan berfungsi sebagai platform penting untuk pembangunan kemahiran dan pembinaan kapasiti koperasi juga akan berfungsi sebagai platform penting untuk pembangunan kemahiran dan

pembinaan kapasiti modal insan yang mempunyai kemahiran kusahawanan dan juga kepimpinan yang dapat meningkatkan keberdayaan koperasi

dalam landskap ekonomi pada masa kini.

## **Hadirin Hadirat dihormati sekalian,**

11. Pada minggu lepas ANGKASA baru sahaja menjadi penganjur kepada dua program berskala antarabangsa iaitu International Co-operative Alliance Asia and Pacific (ICA-AP )Trade and Business

Conference 2023 dan juga Mesyuarat Agung ASEAN Co-operative Organization ACO.

12. Pertemuan dengan pemimpin koperasi dari segenap pelusuk dunia ini bukan sahaja membincangkan agenda

pembangunan koperasi lestari di rantau ini malah merupakan peluang bagi ANGKASA untuk mempromosi produk

koperasi yang boleh ditawarkan ke luar negara.

13. Di ASEAN sahaja ada lebih 300,000 buah koperasi dengan keanggotaan seramai 65 juta anggota. Ini adalah potensi pasaran yang ada dan harus diambil tindakan segara oleh kita semua.

<sup>14.</sup>Jadi saya sarankan koperasi – koperasi yang ada di wilayah ini mengikuti perkembangan berkenaan peluang seperti ini dan Insyallah kita akan bantu luaskan pasaran produk yang sedia ada melalui jaringan kerjasama strategik ANGKASA dan koperasi di rantau ini.

**Hadirlin Hadirat dihormati sekalian,**

15. Saya yakin karnival yang diadakan pada hari ini berjalan dan menepati sasaran serta objektifnya seperti yang telah dirancang. Tahniah kepada pengajur kerana merealisasikan penganjuran program ini dan gunakan ruang dan peluang untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang ada kepada komuniti setempat dan juga

pengunjung dari luar.

16. Tahniah juga saya ucapkan kepada kira – kira 100 peniaga yang terlibat dengan penganjuran karnival ini yang dimaklumkan majoritinya terdiri daripada penduduk Wilayah Trolak. Semoga usaha sebegini akan diteruskan oleh KAF Wilayah Trolak

pada masa akan datang

<sup>17</sup>. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,  
saya dengan ini merasmikan Karnival  
Usahawan KAF Wilayah Trolak.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh